

NOTIS PRIVASI LAMAN WEB SCICOM

Kami di Scicom (MSC) Berhad (Nombor Syarikat 597426-H) ("kami" atau "SCICOM" mengikut konteksnya) amat komited untuk melindungi dan menghormati privasi anda.

Dasar ini (bersama-sama dengan terma-terma penggunaan laman web kami dan sebarang dokumen lain yang dirujuk di dalamnya) membentangkan asas untuk kami memproses sebarang data peribadi atau data peribadi sensitif yang dikumpul oleh kami daripada anda atau yang diberikan oleh anda kepada kami. Sila baca kandungan berikut dengan teliti untuk memahami dasar kami tentang data peribadi anda dan bagaimana kami menggunakannya.

Bagi tujuan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta) dan dasar privasi ini:

"pengguna data" adalah SCICOM dan/atau mana-mana anak syarikat, agen atau pengkhidmat SCICOM dari semasa ke semasa.

"maklumat peribadi " atau "data peribadi" adalah sebarang maklumat tentang anda, termasuk data peribadi sensitif yang diberikan oleh anda kepada kami, dari semasa ke semasa seperti yang dibentangkan dalam dasar privasi ini.

"data peribadi sensitif" bermaksud sebarang data peribadi yang merangkum maklumat tentang kesihatan atau keadaan fizikal atau mental subjek data, pendapat politiknya, kepercayaan agamanya atau kepercayaan lain yang serupa sifatnya, perlakuan atau dakwaan tentang perlakuan sebarang kesalahan olehnya atau sebarang data peribadi lain yang boleh ditentukan oleh Menteri melalui perintah yang diterbitkan di dalam Warta;

"laman web" termasuk www.scicom-intl.com atau mana-mana laman web lain, *feed* atau aplikasi telefon yang dikendalikan oleh kami dari semasa ke semasa.

1 Maklumat yang kami kumpul tentang anda

1.1 Kami mungkin mengumpul dan memproses maklumat berikut tentang anda:

- i. Maklumat yang anda berikan kepada kami daripada mana-mana bahagian input di laman web termasuk maklumat perekrutan.
- ii. Maklumat yang anda berikan kepada kami melalui sebarang cara lain termasuk (tanpa had) telefon, faks atau pos.
- iii. Kami mungkin mengumpul maklumat mengenai anda dari pihak ketiga yang kami bekerjasama untuk tujuan menyampaikan kepada anda perkhidmatan yang anda minta dari kami. Sebagai contoh, kami mungkin melibatkan pihak ketiga untuk pengurusan pengambilan atau analisis laman web dan sistem permintaan maklumat lanjut; entiti ini akan mengumpul maklumat secara langsung dari anda bagi pihak kami.
- iv. Jika anda menghubungi kami, kami mungkin menyimpan rekod tentang surat-menyurat tersebut.

2 Bagaimana kami menggunakan maklumat peribadi anda

2.1 Kami menggunakan maklumat peribadi yang disimpan tentang anda dalam cara berikut:

- i. untuk memproses permohonan pekerjaan anda, ini termasuk berkongsi maklumat anda dengan rakan organisasi kami berhubung dengan proses perekrutan;
 - ii. membenarkan anda turut serta dalam mana-mana ciri interaktif pada perkhidmatan kami, jika anda memilih untuk berbuat demikian;
 - iii. untuk memaklumkan anda tentang perubahan pada perkhidmatan kami.
 - iv. untuk memastikan bahawa kandungan laman web kami dipaparkan dalam cara paling berkesan untuk anda dan komputer anda.
 - v. untuk memaklumkan anda (dengan kebenaran anda) melalui cara elektronik, atau cara lain, tentang maklumat berkenaan dengan peluang pembiayaan, penajaan khusus atau perkhidmatan dan produk yang kami anggap mungkin menarik minat anda.
 - vi. untuk memberikan maklumat am lain kepada anda (kecuali anda membantahnya).
- 2.2 SCICOM atau wakil sah, rakan kongsi atau anak syarikat mereka akan mengambil semua langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk melindungi keselamatan data anda, walau bagaimanapun kami tidak akan bertanggungjawab kepada anda atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh anda jika pihak ketiga yang tidak dibenarkan mengakses maklumat anda.
- 2.3 Jika anda menggunakan laman web kami, kami mungkin mempelawa anda menyertai kaji selidik yang bertujuan membantu kami membangunkan perkhidmatan kami. Meskipun pandangan anda amat kami alu-alukan, anda tidak wajib menyertainya. Anda akan diberikan butir-butir tentang tujuan kaji selidik dan pihak-pihak yang akan melaksanakannya.
- 2.4 SCICOM akan memberikan kerjasama, jika dikehendaki berbuat demikian, berhubung dengan pertanyaan daripada pihak berkuasa yang menunjukkan keperluan sah untuk mendapatkan akses kepada maklumat tentang anda. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada: Polis Malaysia dan Antarabangsa, Jabatan Imigresen Malaysia dan mana-mana penyiasat bona fide lain bagi pihak agensi lain yang menjalankan siasatan sah.

3 Berkomunikasi dengan anda

- 3.1 Maklumat yang kami kumpul daripada anda berhubung dengan mana-mana permohonan pekerjaan mungkin termasuk (tanpa had) nama anda; alamat pos dan e-mel; dan nombor telefon, rumah dan mudah alih, butir-butir kad pengenalan atau pasport, maklumat perubatan dan pendidikan dan imigresen.
- 3.2 Anda boleh menghubungi kami melalui mana-mana cara yang dibentangkan di halaman hubungi kami di laman web. Jika anda mempunyai sebarang soalan tentang penggunaan data peribadi anda oleh kami, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data, SCICOM, Tingkat 25, Menara TA One, 22 Jalan P. Ramlee, Kuala Lumpur Malaysia 50250 atau e-mel pdpa@scicom.com.my.

4 Mel komersial daripada SCICOM

- 4.1 SCICOM tidak menggunakan data peribadi anda bagi sebarang tujuan lain kecuali tujuan yang dibentangkan dalam Klausula 2.1.

5 Alamat IP, 'cookies' dan pautan

- 5.1 Kami mungkin mengumpul maklumat tentang komputer anda, termasuk, jika tersedia, alamat IP, sistem operasi dan jenis pelayar anda, bagi tujuan pentadbiran sistem dan untuk melapor maklumat agregat kepada pengiklan kami. Ini merupakan data statistik tentang tindakan dan corak pelayaran internet pengguna kami, dan tidak mengenal pasti anda sebagai individu.
- 5.2 SCICOM mungkin menggunakan 'cookies'. 'Cookie' adalah sejumlah kecil data yang disimpan di komputer anda dan yang didedahkan kepada SCICOM apabila anda menggunakan rangkaian ini. SCICOM menggunakan 'cookies' hanya untuk memudahkan langkah mengenal pasti anda apabila anda menggunakan rangkaian. SCICOM tidak menggunakan 'cookies' untuk mengumpul maklumat tambahan tentang anda. Anda boleh mengkonfigurasi pelayar web anda agar tidak menerima 'cookies', walau bagaimanapun ini mungkin menyekat kefungsiian rangkaian untuk anda.
- 5.3 Laman web mungkin mengandungi pautan yang memudahkan anda melawat laman web lain. SCICOM tidak mempunyai kawalan terhadap laman web tersebut. Oleh itu, jika anda menggunakan pautan ini untuk meninggalkan SCICOM dan melayari laman web yang dikendalikan oleh pihak ketiga, SCICOM tidak akan bertanggungjawab terhadap perlindungan dan privasi sebarang maklumat yang anda berikan sewaktu melayari laman web tersebut.

6 Hak anda untuk meminta untuk melihat maklumat yang disimpan oleh kami tentang anda

- 6.1 Anda boleh membuat permintaan kepada kami untuk memberikan butir-butir maklumat peribadi yang disimpan oleh kami tentang anda. Jika anda ingin membuat permintaan bagi maklumat ini anda hendaklah menghubungi SCICOM di alamat yang diberikan dalam seksyen 3.2 di atas. Mungkin terdapat caj kecil yang dikenakan mengikut Peraturan yang dibuat di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
- 6.2 Jika anda meminta kami berbuat demikian, kami akan mempertimbangkan langkah mengubah maklumat yang disimpan oleh kami tentang anda. Kami akan mengubah maklumat terhad yang tertentu yang disimpan oleh kami tentang anda jika anda memaklumkan kami bahawa maklumat tersebut tidak tepat.

7 Penyimpanan dan Keselamatan Data

- 7.1 Perlindungan privasi data anda amat penting buat kami, sama ada anda berinteraksi dengan kami secara peribadi, melalui telefon, pos, melalui internet atau perantara elektronik lain. Kami menyimpan data peribadi dalam gabungan beberapa cara iaitu kemudahan penyimpanan komputer selamat, fail kertas dan rekod lain. Kami mengambil langkah untuk melindungi data peribadi yang disimpan oleh kami terhadap penyalahgunaan, kehilangan, akses yang tidak dibenarkan, perubahan atau pendedahan.

Kami mungkin perlu menyimpan rekod bagi tempoh masa yang agak lama. Walau bagaimanapun, apabila kami menganggap bahawa data tidak lagi diperlukan, kami akan mengeluarkan sebarang butir-butir yang dapat mengenal pasti anda atau kami akan memusnahkan rekod dalam cara yang selamat.